

09/05/1997

Malaysia sedia bantu Afrika

SUBANG, Khamis - Malaysia bersedia untuk memainkan peranan dan menjadi model pembangunan bagi mengatasi masalah di negara-negara Afrika, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beliau membuat tawaran itu ketika mengadakan perbincangan dengan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, di Cape Town semalam.

"Mandela sedang memainkan peranan utama di Afrika dan terbabit dengan usaha untuk menyelesaikan banyak masalah di benua itu," katanya dalam sidang akhbar sekembalinya dari lawatan seminggu ke Malawi, Botswana dan Afrika Selatan.

Beliau berkata, kesempatan pertemuan dengan Mandela itu diambil untuk membincangkan beberapa masalah di Afrika dan memberi pandangan bagaimana ia boleh diatasi.

"Kita bincang juga dengan dia (Mandela) mengenai masalah di Afrika dan bagaimana kita dapat membantu ... sama ada kita boleh mainkan apa-apa peranan. Kita pelawa diri kita kalau ada yang boleh kita tolong," katanya.

Dr Mahathir berkata, kehadirannya dalam Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 97 di Botswana, berjaya membuka jalan untuk menjalin hubungan dan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan negara berkenaan, termasuk Namibia, Malawi, Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Menurutnya, negara terbabit menerima pendekatan Malaysia melaksanakan pembangunan dan mahu berkongsi pengalaman supaya kaedah yang sama dilaksanakan di negara mereka.

Katanya, dialog dua hari itu yang disertai wakil dari seluruh dunia antara lain untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan cara pembangunan dapat dilaksanakan di sana.

Semalam, Perdana Menteri menerima anugerah The Order Of Good Hope Class 1: Grand Cross (Gold) daripada Presiden Nelson Mandela. Ia adalah anugerah antarabangsa keempat yang diterima Dr Mahathir sejak Disember lalu.

Dr Mahathir berkata, negara di rantau itu memerlukan pelaburan asing yang banyak, termasuk dari Malaysia, bagi memacu pembangunannya.

(END)